



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN AKTIVITI PENYELIDIKAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BERMULA 13 JANUARI 2021

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Penyelidikan Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan penyelidikan selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan berkuatkuasa mulai 13 Januari 2021 di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Garis Panduan ini adalah selaras dengan:
- a) **Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** yang dikemaskini pada 12 Januari 2021 oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) sebaik sahaja **Perutusan Khas oleh YAB Perdana Menteri Malaysia** pada 11 Januari 2021 mengenai **Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** yang berkuatkuasa mulai **13 Januari 2021**;
 - b) Kenyataan media yang dikeluarkan pada 12 Januari 2021 oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengenai **Pengoperasian Institusi Pendidikan Tinggi Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan**;

- c) **Pekeliling Pentadbiran Bilangan 2/2021: Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Negeri Kelantan Bermula 13 Januari hingga 26 Januari 2021** bertarikh 12 Januari 2021 oleh Pejabat Pendaftar, Universiti Malaysia Kelantan (UMK);
- d) **Garis Panduan Bekerja Dari Rumah (WFH)** yang dikemaskini pada 12 Januari 2021 oleh Pejabat Pendaftar, UMK;
- e) **Health Alert 6/2021: Makluman SOP Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat Bagi Negeri Kelantan 13 Januari 2021 hingga 26 Januari 2021** oleh Pusat Kesihatan Universiti (PKU) bertarikh 13 Januari 2021;
- f) **SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Sektor Pengajian Tinggi** yang dikemaskini pada 13 Januari 2021 oleh Majlis Keselamatan Negara;
- g) **Pekeliling Pentadbiran Bilangan 3/2021: Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Negeri Kelantan bermula 16 Januari hingga 26 Januari 2021** bertarikh 16 Januari 2021 oleh Pejabat Pendaftar, UMK; dan
- h) **Pekeliling Pentadbiran Bil. 5/2021 – Pelanjutan Tempoh Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Di Negeri Kelantan Bermula 27 Januari 2021** bertarikh 26 Januari 2021 oleh Pejabat Pendaftar, UMK.

3.0 KAEDAH PELAKSANAAN

3.1 Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa, sebarang aktiviti penyelidikan adalah perlu mematuhi garis panduan berikut:

- a) Semua aktiviti penyelidikan yang melibatkan kemudahan makmal dan peralatan khas adalah **DIBENARKAN** melalui kebenaran Ketua Jabatan/ Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) mengikut SOP yang ketat;

- b) Perlu merekod daftar pengguna yang disediakan di makmal dengan lebih digalakkan penggunaan aplikasi MySejahtera/ *QR Code* atau menulis secara manual nama dan nombor telefon;
- c) Pelajar luar kampus yang menjalani aktiviti penyelidikan perlu mendapatkan surat kebenaran keluar masuk kampus dari Bahagian Keselamatan UMK;
- d) Hanya penyelidik/ staf dengan status "Low Risk" dalam MySejahtera sahaja yang dibenarkan masuk dan menggunakan fasiliti dalam makmal. Semua penyelidik/ staf perlu mengemaskini status risiko di dalam aplikasi MySejahtera dan sesiapa mempunyai suhu badan melebihi 37.5°C atau gejala batuk, selsema, sakit tekak atau susah bernafas adalah tidak dibenarkan masuk;
- e) Penjarakan fizikal dan susun atur dalam makmal adalah sekurang-kurangnya satu (1) meter dan jumlah penyelidik/ staf bagi satu sesi dalam makmal adalah mengikut keluasan ruang makmal (dengan penjarakan fizikal satu (1) meter antara individu);
- f) Penyelidik atau staf yang perlu masuk ke UMK untuk memastikan makanan mencukupi untuk haiwan penyelidikan seperti kambing, lembu, ikan (*hatchery*) dan lain-lain serta menyiram/ memberi baja kepada tanaman termasuk kultur tisu tumbuhan (ianya bukan aktiviti penyelidikan tetapi hanya sebagai rutin harian untuk memastikan haiwan/tumbuhan terus hidup) adalah **DIBENARKAN**;
- g) Penyelidikan lapangan secara berkumpulan adalah **TIDAK DIBENARKAN**;
- h) Penyelidikan lapangan yang melibatkan keperluan merentas negeri/ daerah perlu mendapatkan kebenaran pihak universiti dan PDRM terlebih dahulu;
- i) Proses pembayaran gaji/ elaun *GRA*, *RA* dan Pasca Doktor akan dibuat secara dalam talian tanpa perlu mengemukakan 'punch card' kehadiran semasa penghantaran borang pembayaran;

- j) Permohonan geran dalaman hendaklah dilakukan secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi RMS (*Research Management System*) sepenuhnya;
- k) Bagi permohonan geran luar dan sebarang perbincangan di antara penyelidik akan dilaksanakan secara dalam talian menerusi aplikasi seperti *Google Meet Hangouts*, *Zoom* dan sebagainya;
- l) Sebarang urusan penghantaran laporan kemajuan penyelidikan adalah secara dalam talian;
- m) Pengisian data MyRA oleh penyelidik dilakukan secara dalam talian;
- n) Proses pendaftaran *Trademark/ Patent/ IP* juga dilakukan secara dalam talian;
- o) Peringatan sepanjang masa PKP berkuatkuasa, penyelidik mengoptimalkan masa bagi penulisan artikel, bab dalam buku dan permohonan insentif-insentif penerbitan secara dalam talian;
- p) Pembayaran insentif penerbitan kepada penyelidik secara dalam talian oleh pihak bendahari;
- q) Selain staf akademik dan pentadbiran, **PENYELIDIK** turut merangkumi *Graduate Research Assistant (GRA)*, *Research Assistant (RA)*, Pasca Doktorat (PD), Pelajar Pra-Siswazah dan Pelajar Pasca Siswazah; dan
- r) Sebarang pertanyaan mengenai urusan penyelidikan, inovasi, harta intelek, perundingan, pengkormesialan, penerbitan dan penarafan boleh menghubungi staf di Pusat Pengurusan Penyelidikan Dan Inovasi (RMIC) melalui talian telefon atau emel.

4.0 SARINGAN KESELAMATAN

- 4.1 Penyelidik yang telah mendapat kebenaran masuk ke dalam kampus perlu menjalani saringan kesihatan dan mengisi buku rekod kehadiran di pintu utama sebelum masuk ke kampus. Pihak Bahagian Keselamatan berhak untuk tidak membenarkan mana-mana penyelidik/ warga UMK dari masuk ke dalam kampus.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

- 5.1 Garis Panduan ini berkuat kuasa sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dari 13 Januari 2021 hingga mana-mana tempoh yang dimaklumkan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**TIMBALAN NAIB CANSELOR PENYELIDIKAN DAN INOVASI
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
JANUARI 2021**